



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**(WAKIL MENTERI)  
MAJLIS ANUGERAH SUKAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
TAHUN 2015/2016**

**OLEH**

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA  
BALA MOHAN  
TIMBALAN MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tarikh : 31 Okt. 2017**

**(Selasa)**

**Masa : 8.30 malam**

**Tempat : Dewan Tun Dr  
Ismail, PWTC**

**Terlebih dahulu saya ingin  
menyampaikan salam  
takzim daripada Menteri  
Wilayah Persekutuan, YB  
Datuk Seri Utama Tengku  
Adnan bin Tengku Mansor,  
kerana beliau tidak dapat  
hadir pada malam ini atas  
sebab yang tidak dapat  
dielakkan.**

**Terima kasih kepada  
Jawatankuasa juga kerana  
sudi menjemput saya untuk  
hadir pada majlis pada  
malam ini mewakili YB  
Menteri Wilayah  
Persekutuan.**

**Saya ingin mengucapkan  
tahniah kepada seluruh  
Jawatankuasa Pelaksana  
Majlis Anugerah Sukan  
Wilayah Persekutuan 2017  
atas usaha mereka bagi  
menjayakan majlis ini.**

**Tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,  
Anugerah Sukan Wilayah  
Persekutuan ini merupakan  
manifestasi penghargaan  
dan pengiktirafan kepada  
atlet, jurulatih dan  
pengurus sukan atas  
kejayaan,**

**komitmen dan khidmat  
bakti yang telah diberikan  
sepanjang tahun  
2015/2016 bagi menaikkan  
nama Wilayah Persekutuan  
dalam arena sukan negara.**

**Semoga pengiktirafan ini  
dapat menjadi obor  
pembakar semangat kepada  
semua penggiat sukan  
Wilayah Persekutuan untuk  
terus memberi sumbangan  
terhadap kemajuan sukan  
Wilayah Persekutuan  
khususnya dan negara  
amnya.**

**Kita sedar bahawa  
pencapaian yang kita  
peroleh pada hari ini tidak  
boleh dicapai semata-mata  
dengan memiliki atlet  
berbakat, jurulatih  
berpengalaman serta  
kemudahan yang sempurna.**

**Malah kecemerlangan tersebut melibatkan penyatuan perancangan, dasar dan diterjemahkan kepada strategi pelaksanaan yang mantap, sekali gus menjadi panduan komprehensif ke arah pembangunan sukan yang cemerlang.**

**Kiranya masih belum  
terlewat untuk saya  
mengucapkan tahniah dan  
syabas kepada seluruh atlet  
Wilayah Persekutuan yang  
telah mewakili Malaysia  
dalam Sukan SEA dan Para  
ASEAN pada edisi yang lalu.**

**Usaha dan kegigihan atlet  
telah membantu Malaysia  
untuk muncul juara  
keseluruhan Sukan SEA  
Kuala Lumpur 2017 dan  
Naib Juara Sukan Para  
ASEAN.**

**Lebih bermakna lagi Majlis Anugerah Sukan ini dianjurkan khas bagi menghargai jasa perjuangan tokoh-tokoh sukan, para pegawai, pengurus, dan atlet termasuklah atlet kurang upaya (OKU) Wilayah Persekutuan.**

**Hadirin dan hadirat yang  
saya hormati sekalian,  
  
Pada hemah saya, setiap  
atlet seharusnya mencontohi  
semangat yang dipamerkan  
oleh Datuk Lee Chong Wei  
dan Datuk Nicol Ann David  
yang teleh berjaya  
membuktikan bahawa sukan  
telah menjadi satu kerjaya.**

**Saya di fahamkan, sebagai pembakar semangat atlet berlatih dengan bersungguh-sungguh, Majlis Sukan Negara memperkenalkan pelbagai bentuk pemberian insentif yang berbentuk elaun latihan dan keistimewaan lain seperti Skim Imbuhan Tetap Olimpik dan Paralimpik (SITO).**

**Malah, di peringkat Wilayah  
Persekutuan pula, para  
atlet yang terpilih untuk  
mewakili Wilayah  
Persekutuan turut dibantu  
dengan Elaun Latihan Atlet,**

**Insentif Khas Pelajar dan  
Insentif Kemenangan Atlet  
oleh MSWP dan secara tidak  
langsung dapat menampung  
sedikit sebanyak perbelanjaan  
harian para atlet dan**

**seterusnya membantu para atlet untuk lebih fokus di dalam latihan dan lebih bermotivasi untuk menjalani latihan secara berterusan.**

**Sebagai contoh, atlet Wilayah Persekutuan yang telah layak dan terpilih mewakili negara ke temasya sukan diperingkat antarabangsa atas usaha, pengorbanan, komitmen dan dedikasi yang tinggi ialah Saudari Nur Dhabitah Sabri.**

**Beliau telah mendapat  
tempat ke-5 Sukan Olimpik  
baru-baru ini dan telah  
menyumbangkan pingat  
emas pada temasya Sukan  
SEA Kuala Lumpur 2017  
yang lalu.**

**Begitu juga saudara Ng Eain Yow, atlet muda yang berbakat yang telah menjuarai *World Squash Junior Championship* di Poland.**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

**Hala tuju MSWP pada tahun hadapan adalah melahirkan lebih ramai atlet dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang bakal beraksi sama ada diperingkat kebangsaan dan**

**seterusnya mewakili Malaysia  
di persada antarabangsa.**

**Untuk merealisasikan matlamat tersebut, usaha ini tidak hanya digalas secara berseorangan oleh MSWP, malah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan juga harus memainkan peranan dalam menyokong usaha pembangunan sukan ini.**

**Pihak Berkuasa Tempatan  
di Wilayah Persekutuan  
disarankan untuk  
membantu dalam aspek  
penyediaan infrastruktur  
sukan yang bertaraf  
antarabangsa bagi semua  
jenis sukan.**

**Dengan adanya kemudahan ini, atlet Wilayah Persekutuan dapat berlatih dengan lebih fokus dan selesa dan secara langsung membantu mempertingkatkan prestasi semasa atlet.**

**Disamping itu, penganjuran  
sukan di peringkat  
antarabangsa juga dapat  
diadakan di sekitar Wilayah  
Persekutuan.**

**Antara program pembangunan sukan yang boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan adalah dengan mengadaptasi konsep pelancongan sukan “Sport Tourism.**

**Melaluinya, ia dapat memupuk semangat kesukanan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan, sekali gus membantu untuk menjana pendapatan kepada negara.**

**Para hadirin sekalian,**

**Persatuan sukan di Wilayah**

**Persekutuan juga harus**

**mengamalkan "Good**

***governance*" dalam**

**pengurusan badan sukan**

**masing-masing. Peranan**

**badan sukan sangat penting**

**dalam membantu program**

**pembangunan para atlet.**

**Disamping itu, badan sukan kebangsaan juga perlu mempertimbangkan semula peraturan-peraturan yang boleh mengekang pembangunan sukan di dalam negara khususnya di Wilayah Persekutuan.**

**Amatlah dukacita sekiranya  
atlet yang dibentuk oleh  
badan sukan Wilayah  
Persekutuan dipilih untuk  
mewakili negara namun  
tidak dibenarkan atau  
dihalang daripada mewakili  
Wilayah Persekutuan  
apabila diperlukan.**

**Sekiranya situasi ini berterusan, saya pasti ia akan merugikan Wilayah Persekutuan terutamanya dalam buruan pingat .**

**Tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,**

**Saya difahamkan bagi  
tahun 2018, kalender sukan  
dipenuhi dengan pelbagai  
penganjuran kejohanan  
sukan bertaraf tempatan  
dan antarabangsa, seperti  
Sukan Malaysia (SUKMA)  
Perak,**

**Sukan Asia Jakarta dan  
Sukan Komanwel Gold  
Coast.**

**Kepada atlet yang bakal  
mewakili Wilayah  
Persekutuan di SUKMA  
Perak, diharapkan dapat  
mempamerkan semangat  
dan prestasi sebenar kerana  
ini merupakan medan bagi  
pemilihan atlet-atlet untuk**

**mewakili      Malaysia      ke  
temasya sukan yang lebih  
besar seperti Sukan Asia  
dan Sukan Komenwel kelak.**

**Untuk itu, saya menyeru agar semua pihak melipatgandakan usaha bagi meningkatkan prestasi dan seterusnya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan dan Malaysia.**

**Besarlah harapan saya, agar program pembangunan atlet yang telah dirangka oleh MSWP seperti “*Golden Sport Collaberation*” dapat diteruskan untuk tahun 2018 agar usaha untuk melahirkan atlet Wilayah Persekutuan yang berprestasi tinggi dapat -**

**diteruskan melalui  
pendedahan kepada  
kejohanan yang lebih  
kompetatif dan rangka  
latihan yang lebih sistematik.**

**Dalam keghairahan mencipta kejayaan, semua atlet diingatkan supaya sentiasa menjauhi perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri dan pasukan secara langsung atau tidak langsung.**

**Terapkanlah integriti dan semangat kesukanan di dalam sanubari masing-masing agar setiap kejayaan yang diperolehi akan menjadi lebih bermakna.**

**Saya sekali lagi  
mengucapkan syabas  
kepada mereka yang telah  
menempa nama di arena  
sukan tanah air dan para  
pemenang yang dipilih pada  
majlis malam ini.**

**Akhir kata, saya mewakili  
YB Menteri Wilayah  
Persekutuan merasmikan  
Majlis Anugerah Sukan  
Wilayah Persekutuan  
2015/2016.**

**Sekian, Terima Kasih.**